

# Kaji kesan mansuh AUKU kepada institusi pendidikan tinggi negara

- Jika AUKU dimansuhkan, satu undang-undang baharu perlu diwujudkan untuk menggantikannya kerana fungsi AUKU adalah menetapkan kerangka perundangan universiti awam (UA) dan tadbir urus universiti termasuk pelantikan anggota pentadbiran

- Kesan ketara jika AUKU dimansuhkan adalah UA tidak ada lagi 'tempat bergantung' atau punca kuasa untuk menentukan kerangka perundangan bagi penubuhannya dan tadbir urus universiti



Oleh Prof Madya Datuk  
Dr Shamrahayu A Aziz  
bhrencana@bh.com.my

**Akta** Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) adalah undang-undang utama berkaitan hal ehwal universiti awam di Malaysia. Akta ini diperkenalkan pada 1971 dan dalam tempoh lima dekad ia dikuatkuasakan, pelbagai peristiwa dilihat dalam bidang pendidikan tinggi negara.

Sepanjang tempoh 50 tahun diwujudkan, beberapa siri pindaan dilakukan terhadap AUKU termasuk proses pelantikan jawatan utama di universiti. Antara dua pindaan penting berlaku pada 1975 dan 1996. Pindaan ini pada dasarnya dibuat sebagai tindak balas kepada peristiwa semasa.

Pengisian AUKU menyentuh aspek penubuhan, hal ehwal tadbir urus institusi pendidikan tinggi awam

(IPTA), tahap autonomi universiti serta hubungan antara kerajaan dan universiti. Selain itu, AUKU sering menjadi tumpuan mengenai kebebasan bersuara bagi mahasiswa dan akademik.

Institusi pendidikan tinggi di tanah air bermula lama sebelum AUKU digubal. Universiti Malaya (UM) ditubuhkan di Singapura pada 1949 melalui Ordinan Universiti Malaya 1949, digantikan dengan Akta Universiti Malaya pada 1961. Pada 1954 cadangan bagi penubuhan Universiti Malaya Kuala Lumpur dimajukan dan Universiti Malaya Kuala Lumpur ditubuhkan pada 1962.

Sebelum AUKU digubal, UM mempunyai autonomi penuh dan tadbir urusnya berdasarkan Perlembagaan universiti. Bagi tujuan operasinya, UM mendapat jumlah peruntukan besar daripada kerajaan.

Universiti kedua ditubuhkan di Pulau Pinang dikenali sebagai Universiti Pulau Pinang dan kemudiannya dinamakan Universiti Sains Malaysia.

Tun Mohamed Suffian yang dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa menggubal Perlembagaan bagi universiti itu menyatakan mengenai kepentingan autonomi universiti dan kebebasan akademik di universiti. Ringkasnya, sebelum kewujudan AUKU, institusi pendidikan tinggi (IPT) mempunyai autonomi luas.

Peristiwa 13 Mei 1969, bukan sahaja menjadi titik tolak kepada perubahan sosial, politik dan ekonomi, tetapi juga mempunyai kesan mendalam ke atas pendidikan tinggi.

Pada ketika itu universiti diletakkan di bawah undang-undang darurat, Ordinan Darurat, sekali gus menjadi asas kuat kepada penggabalan AUKU

pada 1971. Tujuan penggabalan AUKU pada dasarnya untuk memperkenalkan instrumen sah berkeajaan penubuhan universiti dan mengesah hubungan antara kerajaan dan universiti.

Hansard penggabalan AUKU menyatakan, universiti ditubuhkan mengikut RUU ini akan menjadi badan berautonomi, terpisah daripada kerajaan. Ia akan menjadi pertubuhan perbadanan kekal dengan kuasa khusus seperti disebut pada Fasal 7 AUKU.

## AUKU beri kuasa luas kepada menteri

Melalui beberapa pindaan, dapat disaksikan AUKU menjadi undang-undang membolehkan kerajaan memainkan peranan penting dalam urusan universiti, seperti peranan menteri dalam pelantikan naib canselor serta pelantikan ahli majlis universiti.

Menteri juga mempunyai kuasa untuk melantik Pengerusi Majlis Universiti. Dengan kata lain, AUKU memberikan kuasa luas kepada menteri membuat pelantikan pemimpin universiti.

Walaupun pindaan AUKU dilihat memberikan kuasa kepada menteri, perlu dilihat juga sejarah pindaan atau senario pada ketika itu. Pindaan dibuat ketika itu berkait rapat dengan tindakan mahasiswa dan golongan akademik menyertai aktiviti tidak selaras dengan hasrat kerajaan.

Penyelidik mengkategorikan pembabitan mahasiswa sebagai tindakan sabotaj terhadap negara dan juga satu bentuk sabotaj ke atas Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan ketika itu bagi tujuan keseimbangan sosial dan ekonomi masyarakat Malaysia.

Jelas sekali, ketika digubal, AUKU dihasratkan sebagai satu undang-undang menjamin kualiti pendidikan tinggi dan pada masa sama meletakkan tatacara pengurusan universiti awam (UA) supaya pendidikan tinggi mempunyai kebebasan akademik.

Kemudian, AUKU dipinda kerana situasi memerlukan IPT mempunyai aspirasi sama dengan kerajaan dan pada masa sama bersesuaian dengan agenda negara.

Pada masa sama peruntukan AUKU dilihat sebagai satu bentuk kelemahan menetapkan kuasa autonomi universiti dalam konteks pengurusan dan pentadbiran universiti. AUKU juga dilihat satu bentuk halangan memajukan kebebasan akademik di negara ini.

Kebelakangan ini, timbul desakan supaya kerajaan memansuhkan AUKU kerana janji itu terkandung dalam manifesto pilihan raya Pakatan Harapan (PH) yang kini membentuk Kerajaan Perpaduan bersama komponen lain termasuk UMNO.

Soalnya, adakah wajar AUKU dimansuhkan atau ia perlu dipinda sekali lagi. Dalam aspek ini, jika AUKU dimansuhkan, satu undang-undang baharu diperlukan untuk menggantikannya.

Ini kerana fungsi AUKU adalah menetapkan ke-

rangka perundangan UA dan tadbir urus universiti termasuk pelantikan anggota pentadbiran. Pilihan lain adalah kerajaan membenarkan setiap UA memiliki akta sendiri seperti di UM, sebelum AUKU digubal.

Kerangka akta itu pula perlu penyesuaian antara universiti dan dalam hal ini akta UM yang wujud sebelum AUKU diwujudkan boleh dijadikan sebagai penanda aras pengwujudkan akta sama di universiti lain.

Kesan ketara jika AUKU dimansuhkan adalah UA tidak ada lagi 'tempat bergantung' atau punca kuasa untuk menentukan kerangka perundangan bagi penubuhannya dan tadbir urus universiti.

Pilihan lain yang boleh difikirkan adalah mengekalkan AUKU tetapi menambah baik klausanya sebagai mana dikehendaki kerajaan dan golongan akademik bagi mengukuhkan masa depan pendidikan tinggi negara. Bermakna, jika hendak dipinda, ia perlu menetapkan apa aspirasi kerajaan mahukan dalam pentadbiran pendidikan tinggi di UA.

## Beri perhatian peranan pendidikan tinggi

Justeru, semua pihak harus melihat dengan wajar perkara utama dalam pendidikan tinggi. Ini kerana pendidikan adalah instrumen penting dalam pembinaan dan kemajuan negara berasaskan cita-cita negara.

Kita harus memberikan perhatian kepada peranan pendidikan tinggi dalam mencapai agenda atau cita-cita negara seperti diperjelaskan melalui Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Tidak kira parti politik mana dipilih rakyat untuk menjadi kerajaan, agenda negara hendaklah menjadi keutamaan kerajaan, itu peraturannya.

Maka, sebarang cadangan untuk meminda atau memansuhkan AUKU boleh diberikan perhatian dengan syarat ia mampu mewujudkan pendidikan tinggi lebih berwibawa dalam melahirkan generasi yang memenuhi tuntutan aspirasi negara.

Pindaan AUKU jika dilakukan patut berupaya menghasilkan *body of knowledge* yang menyumbang kepada kemakmuran negara dan menghasilkan ilmu boleh mendatangkan kebahagiaan kepada rakyat.

Sekiranya kerajaan serius mahu meminda AUKU, perkara utama perlu diberikan perhatian ialah keseimbangan antara peranan IPT membangunkan ilmu, memberikan kebebasan kepada mahasiswa dan akademik serta pada masa menjamin kemakmuran negara dan kebahagiaan rakyat.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH